



Resource COM02

WWC Check (Pemeriksaan Bekerja dengan Kanak-kanak)

Contoh soalan pematuhan

Malay | Bahasa Melayu

Ini contoh soalan yang mungkin perlu dijawab oleh majikan, organisasi sukarela atau **syarikat pendidikan (education provider)** dalam Compliance Check (dahulu namanya audit) oleh Working with Children Screening Unit (Unit Pemeriksaan WWC).

Alat-alat untuk organisasi mematuhi WWC, termasuk [WWC Check Compliance Toolkit](#) boleh didapati di [laman web WWC](#).

1. Bagaimanakah organisasi kamu mengenal pekerja, **sukarelawan (volunteers)** dan **pelajar (students)**, yang melakukan [kerja berkenaan kanak-kanak](#), sama ada yang sudah ada dan yang baharu?
2. Pekerja, sukarelawan atau pelajar dalam kerja berkenaan kanak-kanak tersebut sudah ada Kad WWC [sah](#) atau mereka sudah memohon? Jika tidak, apa yang sedang dibuat untuk membetulkan keadaan dan dalam masa berapa lama?
3. Apa proses kamu supaya pekerja, sukarelawan dan pelajar yang melakukan kerja berkenaan kanak-kanak sudah ada Kad WWC yang sah atau sudah mohon Kad?
4. Apa proses kamu untuk memastikan pekerja, sukarelawan dan pelajar yang masih melakukan kerja berkenaan kanak-kanak memohon [Kad baharu](#) sebelum Kad WWC tamat tempoh? (Boleh mohon Kad baharu satu hingga tiga bulan sebelum tamat tempoh).
5. Apa proses kamu supaya mereka yang tidak ada Kad WWC yang sah dan belum mohon Kad tidak melakukan kerja berkenaan kanak-kanak?
6. Proses simpan rekod dalaman kamu boleh kenal siapa pekerja, sukarelawan dan pelajar yang melakukan kerja berkenaan kanak-kanak? Bolehkah mencatatkan perkara-perkara ini mengenai orang itu?
 - a) Nama penuh dan tarikh lahir.
 - b) Nombor Kad WWC dan tarikh tamat tempoh atau, kalau belum dapat Kad WWC, nombor permohonan dan tarikh buat permohonan.

- c) Mengatakan pekerja, sukarelawan atau pelajar itu sudah memohon dalam masa yang dimestikan.
- d) Mengatakan, kalau orang itu sudah ada Kad WWC kemudian dapat jawatan dalam organisasi kamu, Kad WWC itu diperiksa sama ada masih sah atau tidak. (Kad itu juga patut diperiksa dari semasa ke semasa selagi masih digunakan).

Sebagai tambahan

- e) kalau WWC Screening Unit mengatakan ada orang itu telah [menarik balik permohonan](#) atau telah dikenakan **Notis Negatif Sementara (Interim Negative Notice)** atau **Notis Negatif (Negative Notice)**, boleh sahkan orang itu tidak melakukan kerja berkenaan kanak-kanak.
7. Mekanisme apa yang ada dalam organisasi kamu untuk mengawasi dan melaporkan kamu patuh atau tidak dengan *Working with Children (Screening) Act 2004* (Akta Bekerja dengan Kanak-kanak (Pemeriksaan) 2004)?

Sila ambil perhatian, maklumat tambahan atau berkaitan juga mungkin diminta setelah soalan-soalan dijawab.

Makna perkataan **huruf tebal** boleh diketahui dalam glosari Working with Children Check di www.workingwithchildren.wa.gov.au